



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE EXAMINATION
(SUPPLEMENTARY) 2025**

EVIDENCE

Monday, 17 November 2025

Reading Time : 9.00 a.m. - 9.20 a.m.

Answering Time : 9.20 a.m. - 12.20 p.m.

-
- * THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) PARTS, 'A' AND 'B'.**
 - * YOU ARE REQUIRED TO ANSWER QUESTION 1 (ONE) IN PART 'A' WHICH IS COMPULSORY.**
 - * YOU ARE ALSO REQUIRED TO ANSWER THREE (3) QUESTIONS OUT OF SIX (6) QUESTIONS IN PART 'B'.**
 - * GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
 - * RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
-

REMINDER:

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Certificate in Legal Practice Examination, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer the questions **either** in the English or national language.

(This question paper has 7 questions printed on 8 pages)

PART A: COMPULSORY QUESTION**1. Candidates MUST answer this question**

Rowdy requested a loan of RM500,000.00 from Richman to invest in Rascal's startup café business. Rowdy executed an agreement with Richman to repay the loan within 12 months from the date of the agreement. Rascal's café business flourished, and Rowdy was reaping the returns from his investment in Rascal's café business. Through an email, Richman informed Rowdy that he need not repay the loan if he agrees to transfer his shares in Rascal's business to Richman. Rowdy discussed Richman's proposal with Rascal, and both declined Richman's proposal. Rowdy replied via email and informed Richman that he would repay the loan to Richman before the expiry of 12 months from the date of agreement and did not agree to transfer his shares in Rascal's café business to Richman. Richman was upset with the reply. Rowdy and Rascal discovered a short video from Richman's Instagram account describing that Rowdy was ungrateful, a thief in refusing to return the money borrowed and claimed that Rowdy and Rascal had used his money to operate the café and now refuse to give Richman his share of the profits from the café's proceeds. As a result of the Instagram posting, fewer people patronised the café and the café business began to make losses.

Rowdy and Rascal have commenced legal action against Richman for defamation. Rowdy and Rascal intend to adduce the agreement at trial to show that the loan was not due, and a video on Richman's Instagram was published with malice. However, Rowdy only has a photocopy of the agreement. The original is with Richman's solicitor. Rowdy and Rascal also intend to produce their café business accounts to show the profits before the publication of the Instagram video and the losses suffered after the Instagram posting. These accounts were prepared by Abu, who has since resigned and is now away travelling the world. Richman has since denied being the author of the video and that his Instagram account was hacked at the time of the publication of the video.

Advise Rowdy and Rascal based on the Evidence Act 1950 and related case laws on the following:

(a) **The admissibility of the photocopy of the agreement.**

(8 marks)

(b) **The admissibility of the café business accounts.**

(7 marks)

(c) **Whether Rowdy and Rascal bear the burden of proof of Richman's allegation that he is not the author of the video and that his Instagram account was hacked at the time of the publication of the video.**

(10 marks)

PART B: ANSWER ANY THREE (3) QUESTIONS

2. Carolyn and John were married in 2005. In 2010, Carolyn discovered that John was involved in an extramarital affair with Hannah, his yoga instructor. Although Carolyn was initially enraged by John's betrayal, she eventually calmed down and chose to forgive John, opting to continue with the marriage.

However, by 2022, Carolyn's suspicions were rekindled when John began developing a close relationship with his gym instructor, Mel. Matters came to a head when Carolyn discovered a sex toy hidden in John's clothes drawer. Convinced that John was once again being unfaithful, Carolyn asked him to leave the matrimonial home and subsequently filed for divorce.

During the court proceedings, evidence was adduced by Carolyn to establish the adultery between John and Mel. With reference to the Evidence Act 1950 and relevant case law, discuss the evidential issues arising from the following evidence adduced in court:

- (a) **Police reports lodged by Carolyn in 2025 regarding Mel's alleged interference in Carolyn's marriage.**
(7 marks)
- (b) **Endearing WhatsApp messages exchanged between John and Mel between 2022 and 2025.**
(8 marks)
- (c) **Evidence relating to John's prior affair with Hannah.**
(10 marks)
3. Brandy discovered that his land was unlawfully transferred to Cluedo via a power of attorney. Brandy claims that he executed the power of attorney in favour of Heraldito when he had a heart attack and was severely ill, so that Heraldito could help with Brandy's affairs when he was medically unfit. Brandy claims that after he had recovered, he did request Heraldito to return the power of attorney for him to revoke it. Unknown to Brandy, Heraldito used the power of attorney to enter into a sale and purchase agreement to sell the land to Akmal who has since made an onward sale of the land to Halim. Akmal and Halim are known to Brandy and were aware of Brandy's medical condition. Heraldito did not give Brandy the proceeds of the sale and instead spent all of it in a pyramid scheme. Heraldito has now been charged in court for criminal breach of trust under section 405 read together with section 406 of the Penal Code. Heraldito denies the charges and claims he was acting under the power of attorney with Brandy's consent to retain the proceeds of the sale of the land to be invested in the pyramid scheme. Brandy has also commenced legal action against Akmal and Halim for the recovery of the land and claims that the said land was fraudulently transferred.

Discuss with reference to the provisions of the Evidence Act 1950 and case laws:

- (a) **The burden and standard of proof on the prosecution to establish the charge against Heraldito.**
(7 marks)

(b) **The burden and standard of proof on Heraldo to discharge his defence of acting with Brandy's consent.**

(8 marks)

(c) **Discuss the burden and standard of proof on Brandy with respect to his action against Akmal and Halim.**

(10 marks)

4. Tom has been charged with the murder of Keith by fatally stabbing him. Among the prosecution's key witnesses are Tom's wife (Anna) and their neighbour's 18-year-old daughter (Maxine), who suffers from dyslexia and a speech impediment. Tom is known to visit his priest regularly to confess his wrongdoings.

Anna is expected to testify that shortly after the time of the alleged offence, she saw Tom washing his hands, which were stained with blood. Subsequently, Tom visited his doctor for treatment.

Maxine is also expected to give evidence, having allegedly seen Tom running back to the house holding a knife stained with blood. However, Maxine is frightened and reluctant to testify in court.

By reference to the Evidence Act 1950 and relevant case laws, what would be the evidential issues arising if the prosecution wishes to call the following:

(a) **Anna to testify as to what she had seen.**

(7 marks)

(b) **The neighbour's 18-year-old daughter.**

(8 marks)

(c) **The priest whom Tom regularly visits to confess his wrongdoings.**

(5 marks)

(d) **The doctor who treated Tom for his bleeding hand.**

(5 marks)

5. Gully is charged under section 3(1) of the Kidnapping Act 1961 for kidnapping Ah Mei, 12 years of age, and demanding a ransom of RM1 million from her family for her release.

The prosecution's case against Gully includes the following:

- (a) That Ah Mei was abducted while walking alone to a convenience store in Uptown Centre on 1 April 2024, and was concealed in the suitcase by the kidnapers to avoid detection and placed in the boot of a car;
- (b) The car and the suitcase were found, and particles of Gully's hair were found in the suitcase, while Gully's fingerprints were found on the steering wheel of the car;
- (c) CCTV at the convenience store captured the three (3) kidnapers who were wearing masks. The CCTV images showed one of the masked men as having the same build and size as Gully. There was no audio from the CCTV;
- (d) Madam Amma, 80 years old, who was at the bus station across the convenience store, identified Gully as the person driving the same car identified in the CCTV, when he partially removed his mask;
- (e) Madam Fatimah, who was at the convenience store at the time of the incident and heard Gully shouting to the other two kidnapers, recognised Gully's voice while she was at the police station giving her statement, when Gully was brought in for questioning;
- (f) Ah Mei's mother received a call from the kidnapers demanding a ransom of RM1 million. However, she only paid RM200,000.00 in ransom as well as handed over some of her jewellery to them on 3 April 2024;
- (g) The police recovered a bag with jewellery from Gully's house, and Ah Mei's mother confirmed that some of the jewellery was hers;

- (h) The police also found RM100,000.00 in Gully's house;
- (i) The two other kidnappers were killed in a police shootout a few days after the kidnapping. The police discovered mobile phones on the dead kidnappers that contained voice messages that appeared to be from Gully detailing their plans for the kidnapping; and
- (j) Ah Mei, upon her release on 4 April 2024, informed that she was blind folded throughout her ordeal. The police played over some of the voice recordings on the other kidnappers' mobile phone, and she was able to identify Gully from the voice recordings.

Advise the prosecution, by reference to the Evidence Act 1950 and related case law, how the abovementioned evidence can be used collectively to support the charge of kidnapping against Gully?

(25 marks)

6. Simo is currently facing charges for insider trading and money laundering. In the course of the proceedings, the prosecution subpoenaed both the company's in-house legal counsel (Moh) and the company secretary (Adip) to give evidence. Adip brought her personal journal to court and indicated her intention to use it to refresh her memory during testimony.

Discuss the following evidential issues that arise:

- (a) **Whether Moh falls within the meaning of "advocate" under section 126 of the Evidence Act 1950, thereby rendering communications with the client as legal professional privilege.**

(6 marks)

- (b) **The procedure for the prosecution in seeking to admit computer-generated bank statements as part of its case.**

(7 marks)

(c) **Whether Adip could rely on her notes to refresh her memory.**

(6 marks)

(d) **Whether the presiding judge could direct Adip to produce additional documents to assist the court in evaluating the matters at hand.**

(6 marks)

7. *“It appears that "conclusive proof" in s. 112 [of the Evidence Act 1950] bars the admissibility of scientific evidence to prove paternity of child born out of wedlock. It cannot be admitted to prove paternity of child born within a valid marriage based on s. 112 of the EA. The presence of the phrase "conclusive proof" in s. 112 bars admissibility of this evidence. The phrase "conclusive proof" is also engaged in s. 4(3) of the EA to indicate that when the presumption uses the phrase, the court is not allowed to admit evidence to rebut the presumption.”*

- Per Zabariah Mohd Yusof FCJ in *MPPL & Anor v CAS* [2024] 8 MLJ 359.

The above passage appears to indicate that DNA evidence is inadmissible to establish or challenge paternity.

Critically analyse this passage, paying particular attention to the specific words or phrases that suggest such a prohibition. In your analysis, consider the broader context of the Evidence Act 1950, and assess whether the Act has kept pace with advancements in science and technology. Support your discussion by reference to related case law.

(25 marks)

oOOo



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN
(TAMBAHAN) 2025**

KETERANGAN

Isnin, 17 November 2025

Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.20 pagi

Masa Menjawab : 9.20 pagi - 12.20 tengah hari

-
- *KERTAS INI MENGANDUNGI DUA (2) BAHAGIAN, 'A' DAN 'B'.**
 - *ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN 1 (SATU) DALAM BAHAGIAN 'A' YANG WAJIB.**
 - *ANDA JUGA DIKEHENDAKI MENJAWAB TIGA (3) SOALAN DARIPADA ENAM (6) SOALAN DALAM BAHAGIAN 'B'.**
 - *BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**
 - *KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG RELEVAN MESTILAH DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**
-

PERINGATAN:

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

(Kertas soalan ini mengandungi 7 soalan yang dicetak pada 9 muka surat)

BAHAGIAN A: SOALAN WAJIB**1. Calon MESTI menjawab soalan ini**

Rowdy telah memohon pinjaman sebanyak RM500,000.00 daripada Richman untuk melabur dalam perniagaan kafe permulaan Rascal. Rowdy telah menyempurnakan suatu perjanjian dengan Richman untuk membayar semula pinjaman itu dalam masa 12 bulan dari tarikh perjanjian itu. Perniagaan kafe Rascal telah berkembang maju, dan Rowdy beroleh pulangan daripada pelaburannya dalam perniagaan kafe Rascal. Melalui suatu e-mel, Richman telah memaklumkan Rowdy bahawa dia tidak perlu membayar semula pinjaman itu jika Rowdy bersetuju untuk memindahkan syernya dalam perniagaan Rascal kepada Richman. Rowdy telah berbincang dengan Rascal mengenai cadangan Richman, dan kedua-duanya telah menolak cadangan Richman. Rowdy telah menjawab melalui e-mel dan memaklumkan Richman bahawa dia akan membayar semula pinjaman itu kepada Richman sebelum habis tempoh 12 bulan dari tarikh perjanjian itu dan dia tidak bersetuju untuk memindahkan syernya dalam perniagaan kafe Rascal kepada Richman. Richman kecewa dengan jawapan itu. Rowdy dan Rascal telah menjumpai suatu video pendek daripada akaun Instagram Richman yang memperlihatkan bahawa Rowdy seorang yang tidak bersyukur, seorang pencuri kerana enggan memulangkan wang yang dipinjam dan mendakwa bahawa Rowdy dan Rascal telah menggunakan wangnya untuk menjalankan kafe itu dan sekarang enggan memberikan Richman bahagian keuntungannya daripada hasil kafe itu. Disebabkan oleh hantaran Instagram itu, semakin berkurangan orang yang melanggan di kafe itu dan perniagaan kafe itu mulai mengalami kerugian.

Rowdy dan Rascal telah memulakan tindakan undang-undang terhadap Richman bagi fitnah. Rowdy dan Rascal berniat untuk mengemukakan perjanjian itu semasa perbincangan untuk menunjukkan bahawa pinjaman itu belum lagi kena dibayar, dan video di Instagram Richman telah disiarkan dengan niat jahat. Walau bagaimanapun, Rowdy hanya mempunyai fotokopi perjanjian itu. Salinan asal berada dengan peguam cara Richman. Rowdy dan Rascal juga berniat untuk

mengemukakan akaun perniagaan kafe mereka untuk menunjukkan keuntungan sebelum penyiaran video Instagram itu dan kerugian yang dialami selepas hantaran Instagram itu. Akaun ini telah disediakan oleh Abu, yang sejak itu telah meletakkan jawatan dan pada masa ini sedang mengembara di sekeliling dunia. Richman sejak itu telah menafikan menjadi pembuat video itu dan bahawa akaun Instagramnya telah digodam pada masa video itu disiarkan.

Berikan nasihat kepada Rowdy dan Rascal berdasarkan Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan mengenai yang berikut:

(a) **Kebolehterimaan fotokopi perjanjian itu.**

(8 markah)

(b) **Kebolehterimaan akaun perniagaan kafe itu.**

(7 markah)

(c) **Sama ada Rowdy dan Rascal menanggung beban pembuktian ke atas pengatahan Richman bahawa dia bukanlah pembuat video itu dan bahawa akaun Instagramnya telah digodam pada masa video itu disiarkan.**

(10 markah)

BAHAGIAN B: JAWAB MANA-MANA TIGA (3) SOALAN

2. Carolyn dan John telah berkahwin pada tahun 2005. Pada tahun 2010, Carolyn telah mendapati bahawa John terlibat dalam suatu hubungan luar perkahwinan dengan Hannah, pengajar yoganya. Walaupun Carolyn pada mulanya berang dengan pengkhianatan John, dia akhirnya bertenang dan memilih untuk memaafkan John, dan meneruskan perkahwinan.

Walau bagaimanapun, menjelang tahun 2022, syak Carolyn bernyala semula apabila John mula menjalinkan hubungan rapat dengan pengajar gimnya, Mel. Perkara itu mencapai kemuncak apabila Carolyn menjumpai barang mainan seks yang disembunyikan dalam laci pakaian John. Yakin bahawa John telah sekali lagi

curang, Carolyn telah meminta John untuk meninggalkan rumah perkahwinan dan kemudiannya memfailkan penceraian.

Semasa prosiding mahkamah, keterangan telah dikemukakan oleh Carolyn untuk membuktikan perzinaan antara John dengan Mel. Dengan merujuk Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan, bincangkan isu-isu keterangan yang timbul daripada keterangan yang berikut yang dikemukakan di mahkamah:

(a) **Laporan polis yang difailkan oleh Carolyn pada tahun 2025 mengenai campur tangan Mel yang dikatakan dalam perkahwinan Carolyn.**

(7 markah)

(b) **Mesej WhatsApp yang menimbulkan rasa sayang antara John dengan Mel antara tahun 2022 hingga 2025.**

(8 markah)

(c) **Keterangan berhubung dengan hubungan sulit terdahulu antara John dengan Hannah.**

(10 markah)

3. Brandy mendapati bahawa tanahnya telah dipindah milik secara menyalahi undang-undang kepada Cluedo melalui surat kuasa wakil. Brandy mendakwa bahawa dia telah menyempurnakan surat kuasa wakil kepada Heraldo setelah dia mengalami serangan jantung dan sakit yang teruk, supaya Heraldo boleh membantu hal ehwal Brandy apabila dia tidak layak dari segi perubatan. Brandy mendakwa bahawa selepas dia telah pulih, dia telah meminta Heraldo untuk memulangkan surat kuasa wakil itu untuk dia membatalkannya. Tanpa diketahui oleh Brandy, Heraldo telah menggunakan surat kuasa wakil itu untuk membuat perjanjian jual beli untuk menjual tanah itu kepada Akmal yang sejak itu telah membuat penjualan tanah seterusnya kepada Halim. Akmal dan Halim dikenali oleh Brandy dan mereka sedar akan keadaan perubatan Brandy. Heraldo tidak memberikan Brandy hasil jualan itu dan sebaliknya telah membelanjakan semua hasil jualan itu dalam suatu skim piramid. Heraldo kini telah dipertuduh di

mahkamah bagi pecah amanah jenayah di bawah seksyen 405 yang dibaca bersama dengan seksyen 406 Kanun Keseksaan. Heraldo menafikan pertuduhan itu dan mendakwa dia telah bertindak di bawah surat kuasa wakil dengan kebenaran Brandy untuk menyimpan hasil jualan tanah itu untuk dilaburkan dalam skim piramid itu. Brandy juga telah memulakan tindakan undang-undang terhadap Akmal dan Halim untuk mendapatkan semula tanah itu dan mendakwa bahawa tanah itu telah dipindah milik secara fraud.

Bincangkan dengan merujuk Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes:

(a) **Beban dan standard pembuktian atas pihak pendakwaan untuk membuktikan pertuduhan terhadap Heraldo.**

(7 markah)

(b) **Beban dan standard pembuktian atas Heraldo untuk melepaskan pembelaannya yang bertindak dengan kebenaran Brandy.**

(8 markah)

(c) **Bincangkan beban dan standard pembuktian atas Brandy berkenaan dengan tindakannya terhadap Akmal dan Halim.**

(10 markah)

4. Tom telah dipertuduh membunuh Keith dengan menikamnya sehingga membawa maut. Antara saksi utama pihak pendakwaan ialah isteri Tom (Anna) dan anak perempuan jiran mereka yang berumur 18 tahun (Maxine) yang menghidap disleksia dan kecacatan pertuturan. Tom diketahui sering melawat paderinya untuk membuat pengakuan mengenai perbuatan salahnya.

Anna dikehendaki untuk memberikan keterangan bahawa sejurus selepas masa kesalahan yang dikatakan itu, dia ternampak Tom membasuh tangannya, yang berlumuran darah. Kemudiannya, Tom telah melawat doktornya untuk rawatan.

Maxine juga dikehendaki untuk memberikan keterangan, setelah dikatakan melihat Tom berlari semula ke rumah dengan memegang pisau yang berlumuran

darah. Walau bagaimanapun, Maxine takut dan keberatan untuk memberikan keterangan di mahkamah.

Dengan merujuk Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan, apakah isu-isu keterangan yang akan timbul jika pihak pendakwaan berhasrat untuk memanggil yang berikut:

(a) **Anna untuk memberikan keterangan tentang apa yang telah dilihatnya.**
(7 markah)

(b) **Anak perempuan jiran yang berumur 18 tahun.**
(8 markah)

(c) **Paderi yang sering dilawati oleh Tom untuk membuat pengakuan mengenai perbuatan salahnya.**
(5 markah)

(d) **Doktor yang merawat Tom untuk tangannya yang berlumuran darah.**
(5 markah)

5. Gully telah dipertuduh di bawah seksyen 3(1) Akta Penculikan 1961 kerana menculik Ah Mei, yang berumur 12 tahun, dan menuntut wang tebusan sebanyak RM1 juta daripada keluarganya untuk pembebasannya.

Kes pendakwaan terhadap Gully termasuklah yang berikut:

(a) Bahawa Ah Mei telah diculik semasa berjalan seorang diri ke kedai mudah beli di Uptown Centre pada 1 April 2024, dan telah disembunyikan di dalam beg pakaian oleh penculik-penculik untuk mengelak pengesanan dan diletakkan di dalam but sebuah kereta;

(b) Kereta dan beg pakaian itu telah dijumpai, dan partikel rambut Gully telah dijumpai di dalam beg pakaian itu, sementara cap jari Gully telah dijumpai pada stereng kereta itu;

- (c) CCTV di kedai mudah beli itu telah menangkap gambar tiga (3) orang penculik yang memakai topeng. Imej CCTV telah menunjukkan salah seorang daripada lelaki bertopeng itu sebagai mempunyai bentuk badan dan saiz seperti Gully. Tiada bunyi audio daripada CCTV itu;
- (d) Madam Amma, yang berumur 80 tahun, yang berada di stesen bas di seberang jalan kedai mudah beli itu, telah mengenal pasti Gully sebagai orang yang memandu kereta yang sama yang telah dikenal pasti dalam CCTV, apabila dia telah membuka sebahagian topengnya;
- (e) Madam Fatimah, yang berada di kedai mudah beli pada masa kejadian itu dan telah mendengar Gully menjerit kepada dua orang penculik yang lain, telah mengecam suara Gully semasa dia berada di balai polis untuk memberikan pernyataannya, apabila Gully dibawa masuk untuk disoal siasat;
- (f) Ibu Ah Mei telah menerima panggilan telefon daripada penculik-penculik yang menuntut wang tebusan sebanyak RM1 juta. Walau bagaimanapun, dia hanya membayar RM200,000.00 sebagai wang tebusan dan juga telah menyerahkan sebahagian barang kemasnya kepada mereka pada 3 April 2024;
- (g) Polis telah mendapatkan semula sebuah beg yang berisi barang kemas daripada rumah Gully, dan ibu Ah Mei telah mengesahkan bahawa sebahagian barang kemas itu adalah miliknya;
- (h) Polis juga telah menjumpai RM100,000.00 di dalam rumah Gully;
- (i) Dua orang penculik yang lain telah terbunuh dalam kejadian tembak-menembak polis beberapa hari selepas penculikan itu. Polis telah menjumpai telefon-telefon bimbit pada mayat penculik-penculik itu yang mengandungi mesej suara yang didapati adalah daripada Gully yang memperincikan rancangan mereka untuk penculikan itu; dan

- (j) Ah Mei, apabila dia dibebaskan pada 4 April 2024, telah memaklumkan bahawa matanya telah ditutup sepanjang pengalaman getirnya itu. Polis telah memainkan sebahagian rakaman suara pada telefon bimbit penculik-penculik yang lain itu, dan Ah Mei telah dapat mengenal pasti Gully daripada rakaman suara itu.

Berikan nasihat kepada pihak pendakwaan, dengan merujuk Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan, bagaimana keterangan yang dinyatakan di atas boleh digunakan secara kolektif untuk menyokong pertuduhan menculik terhadap Gully?

(25 markah)

6. Simo sedang berhadapan dengan pertuduhan bagi perdagangan orang dalam dan pengubahan wang haram. Semasa perjalanan prosiding, pihak pendakwaan telah menyampaikan sepina kepada peguam dalaman syarikat (Moh) dan setiausaha syarikat (Adip) untuk memberikan keterangan. Adip telah membawa jurnal peribadinya ke mahkamah dan menyatakan niatnya untuk menggunakan jurnal itu untuk mengingatnya semula semasa memberikan testimoni.

Bincangkan isu-isu keterangan berikut yang timbul:

- (a) **Sama ada Moh terangkum dalam maksud “peguam bela” di bawah seksyen 126 Akta Keterangan 1950, yang dengan itu menjadikan komunikasi dengan klien sebagai keistimewaan profesional undang-undang.**

(6 markah)

- (b) **Prosedur untuk pihak pendakwaan memohon untuk mengemukakan penyata bank yang dijana oleh komputer sebagai sebahagian daripada kesnya.**

(7 markah)

(c) Sama ada Adip boleh bergantung pada notanya untuk mengingatnya semula.

(6 markah)

(d) Sama ada hakim yang menjalankan perbicaraan kes itu boleh mengarahkan Adip untuk mengemukakan dokumen tambahan untuk membantu mahkamah dalam menilai perkara di hadapannya.

(6 markah)

7. *“Didapati bahawa “bukti konklusif” dalam s. 112 [Akta Keterangan 1950] melarang kebolehterimaan keterangan saintifik untuk membuktikan paterniti anak yang lahir di luar perkahwinan. Ia tidak boleh diterima untuk membutikan paterniti anak yang lahir dalam suatu perkahwinan yang sah berdasarkan s. 112 AK. Kewujudan frasa “bukti konklusif” dalam s. 112 melarang kebolehterimaan keterangan ini. Frasa “bukti konklusif” juga digunakan dalam s. 4(3) AK untuk menunjukkan bahawa apabila anggapan menggunakan frasa itu, mahkamah tidak dibenarkan untuk menerima keterangan untuk mematahkan anggapan itu.”*

- Menurut Zabariah Mohd Yusof HMP dalam *MPPL & Satu Lagi lwn CAS* [2024] 8 MLJ 359.

Petikan di atas didapati menunjukkan bahawa keterangan DNA tidak boleh diterima untuk membuktikan atau mencabar paterniti.

Berikan analisis secara kritis mengenai petikan ini, dengan memberikan perhatian khusus kepada perkataan atau frasa spesifik yang mencadangkan larangan sedemikian. Dalam analisis anda, pertimbangkan konteks Akta Keterangan 1950 yang lebih luas, dan nilaikan sama ada Akta tersebut seiring dengan kemajuan dalam sains dan teknologi. Sokong perbincangan anda dengan merujuk undang-undang kes yang berkaitan.

(25 markah)